



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
(*ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD*)  
**Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi**  
(*Ministry of Science, Technology and Innovation*)  
**Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor**

21 Disember 2016

Notis Pemberitahuan AELB

Bil. 1/2016

## **TARIKH BAGI PENENTUAN STATUS PENGENDALI RADIOGRAFI INDUSTRI SEDIA ADA YANG DINILAI BERDASARKAN SISTEM MERIT**

### **TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan tarikh bagi penentuan status Pengendali Radiografi Industri sedia ada yang memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi Ujian Tanpa Musnah (NDT) bidang Radiografi Industri Tahap 1 sebelum 1 Januari 2015 untuk kekal diiktiraf sebagai Pengendali berdasarkan mata merit yang dinilai oleh jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dalam tempoh 2 tahun mulai 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016.

### **LATAR BELAKANG**

2. Merujuk kepada Notis Pemberitahuan Bil. 01/2014<sup>1</sup>, berkuatkuasa **01 Januari 2015**, seseorang Pengendali hendaklah mempunyai kelayakan minimum SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 2 dan Pengendali Pelatih hendaklah mempunyai kelayakan minimum lulus peperiksaan Radiografi Industri Tahap 1 atau Tahap 2 (*Direct Access*).

3. Pengendali sedia ada yang memiliki SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 1 ini perlu mendapatkan SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 2 sebelum **1 Januari 2017** bagi membolehkan Pengendali ini kekal diiktiraf sebagai

---

<sup>1</sup> Keperluan Baru Untuk Pengiktirafan Pengendali dan Pengendali Pelatih, bertarikh 20 Februari 2014

Pengendali. Sekiranya Pengendali ini gagal untuk mendapatkan SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 2 sebelum 1 Januari 2017, maka pengiktirafan sebagai Pengendali akan diturun taraf sebagai Pengendali Pelatih.

4. Walau bagaimanapun, AELB telah memberi ruang kepada Pengendali sedia ada yang memiliki SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 1 ini untuk kekal diiktiraf sebagai Pengendali berdasarkan mata merit yang dinilai oleh AELB dalam tempoh 2 tahun mulai 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016 sepertimana kriteria yang ditetapkan dalam Notis Pemberitahuan Bil. 01/2015 Sem.1<sup>2</sup>. Sehubungan itu, penentuan status Pengendali sedia ada untuk kekal diiktiraf sebagai Pengendali atau diturun taraf berdasarkan mata merit akan ditentukan pada 1 Januari 2017.

#### **ARAHAN AELB**

5. Walau bagaimanapun, bagi memberi ruang kepada urusan pentadbiran, tarikh penentuan status Pengendali sedia ada sama ada layak untuk kekal diiktiraf sebagai Pengendali atau diturun taraf akan ditentukan pada **1 Februari 2017**. Sehubungan itu, dalam tempoh 1 - 31 Januari 2017, Pengendali sedia ada akan kekal diiktiraf sebagai Pengendali.

#### **PENUTUP**

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah:

#### **Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Luar**

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : [mnr-customer@aelb.gov.my](mailto:mnr-customer@aelb.gov.my)

Laman Web : [www.aelb.gov.my](http://www.aelb.gov.my)

---

<sup>2</sup> Kriteria Pemarkahan Sistem Merit Bagi Pengendali Bidang Radiografi Industri, bertarikh 6 April 2016